

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Pelajar Tingkatan 4 tak sedarkan diri selepas hisap vape

Mangsa dihantar ke hospital untuk rawatan lanjut

Oleh Rosli Ilham
bhnews@bh.com.my

Chukai: Seorang pelajar Tingkatan Empat dilaporkan tidak sedarkan diri selepas dipercayai menghisap rokok elektronik atau

vape di sebuah sekolah di sini, 22 Julai lalu.

Mangsa yang berusia 16 tahun itu ditemui dalam keadaan tidak sedarkan diri selepas dikatakan menghisap rokok elektronik.

Buat laporan polis

Sumber berkata, pelajar lain yang menyedari kejadian yang berlaku ke atas mangsa kemudian memaklumkan perkara itu kepada pihak pengurusan sekolah kira-kira jam 10.30 pagi.

Berikutan itu, mangsa dibawa

oleh bapanya ke sebuah klinik kesihatan berhampiran sebelum dihantar ke Hospital Kemaman untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Susulan kejadian itu, bapa mangsa membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kemaman pada Jumaat lalu.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Hanyan Ramlan ketika dihubungi mengesahkan ada menerima laporan berhubung dengan kejadian itu.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : LOKAL

lokal

1.3 juta kematian disebabkan hepatitis

Putrajaya: Sebanyak 49,992 kes Hepatitis B dilaporkan bagi tempoh 10 tahun dari 2013 hingga 2023, kata Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

Bagi kes Hepatitis C, beliau berkata jumlah keseluruhan adalah sebanyak 34,573 kes bagi tempoh sama.

"Hepatitis B boleh dicegah melalui imunisasi iaitu dos pertama diberikan semasa kelahiran, dos seterusnya pula diberikan kepada bayi menggunakan vaksin kombinasi enam serangkai (enam dalam satu) pada umur dua, tiga, lima dan 18 bulan manakala untuk Hepatitis C pula, rawatan khusus kini boleh di-

berikan untuk menyembuhkan jangkitan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan sempena Hari Hepatitis Sedunia yang disambut setiap 28 Julai, dengan tema tahun ini 'Sudah tiba masanya untuk bertindak' atau *It's time for action* yang menekankan keperluan berkolaborasi dalam penyampaian perkhidmatan imunisasi, saringan, rawatan serta menggiatkan aktiviti advokasi antara kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Hepatitis adalah penyakit keradangan hati yang lazimnya disebabkan oleh jangkitan virus (viral hepatitis) iaitu Virus Hepatitis

A, B, C, D atau E.

Virus Hepatitis A dan E biasanya berjangkit melalui pengambilan makanan atau air tercemar dan tidak membawa kepada penyakit kronik manakala virus Hepatitis B, C dan D berjangkit melalui darah atau cecair badan serta boleh membawa kepada penyakit kronik yang menjadi punca utama kepada sirosis atau parut hati (*liver cirrhosis*) dan kanser hati.

Berdasarkan Laporan Hepatitis Global 2024, Dr Muhammad Radzi berkata pada 2022 dianggarkan terdapat 2.2 juta kes jangkitan baharu viral hepatitis di dunia, dengan 1.1 juta merupakan jangkitan Hepatitis B, 1.0 juta adalah Hepa-

titis C dan 100,000 kes adalah jangkitan bagi lain-lain jenis hepatitis.

"Jumlah kematian dilaporkan pula adalah sebanyak 1.3 juta kes dengan 83 peratus kematian disebabkan oleh jangkitan Hepatitis B dan baki 17 peratus kematian adalah disebabkan oleh jangkitan Hepatitis C," katanya.

Justeru, beliau berkata Kementerian Kesihatan (KKM) menasihatkan orang ramai supaya sentiasa mengamalkan hidup sihat dan amalan kebersihan diri untuk mengelakkan risiko mendapat jangkitan hepatitis atau risiko untuk menjangkiti orang lain bagi individu yang telah dijangkiti.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : LOKAL

Kerana **vape** pelajar tidak sedarkan diri

Oleh Rosli Ilham
am@hmetro.com.my

Remaja ditemui pelajar lain sebelum dimaklum kepada pengurusan sekolah

Chukai

Seorang pelajar ditemukan dalam keadaan tidak sedarkan diri selepas dipercayai menghisap rokok elektronik atau vape di sebuah sekolah di sini, 22 Julai lalu.

Remaja berusia 16 tahun itu ditemukan pelajar lain

yang menyedari kejadian berlaku sebelum memaklumkan kepada pihak pengurusan sekolah kira-kira jam 10.30 pagi.

Berikutan itu, mangsa

dibawa oleh bapanya ke klinik kesihatan berhampiran sebelum dihantar ke Hospital Kemaman untuk rawatan lanjut.

Berikutan kejadian itu, bapa mangsa membuat laporan di

Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kemaman pada Jumaat lalu.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendent Hanyan Ramlan ketika dihubungi mengesahkan ada menerima laporan berhubung dengan kejadian itu.

Mangsa dibawa bapa ke klinik kesihatan berhampiran sebelum dihantar ke Hospital Kemaman

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : LOKAL

Punca dalam siasatan

Kota Kinabalu: Seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun yang meninggal dunia dipercayai akibat keracunan makanan pada Khamis lepas di Sandakan, mempunyai sejarah makan makanan yang dibeli bapanya dua hari sebelum itu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah Datuk Dr Asits Sanna berkata, kanak-kanak tersebut mengalami gejala cirit-birit, demam serta hilang selera makan, dan pada Rabu dia mengalami sawan sebelum dibawa ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

"Rawatan kecemasan seterusnya diberikan kerana kanak-kanak itu didapati dalam keadaan tidak sedarkan diri serta memerlukan bantuan pernafasan. Kanak-kanak ini telah dimasukkan ke Wad Perubatan Pediatrik sebelum disahkan meninggal dunia. Maklumat awal yang diperoleh menyatakan ibu kanak-kanak itu juga ada makan makanan tersebut dan mengalami gejala yang sama," katanya.

Berikutan itu, beliau berkata, ibu kanak-kanak tersebut telah diberikan rawatan di Wad Perubatan Perempuan, Hospital Duchess of Kent di Sandakan.

Bagaimanapun, Dr Asits berkata, sejarah lengkap pergerakan serta pendedahan kes kepada makanan dan punca kematian masih dalam siasatan, justeru orang ramai diminta tidak membuat sebarang spekulasi mengenai kejadian itu.

"Sampel makanan dan persekitaran telah diambil bagi tujuan menentusahkan punca kejadian," katanya.

Beliau berkata, keracunan makanan merupakan penyakit disebabkan oleh pengambilan makanan atau minuman yang tercemar oleh bakteria atau toksin bakteria tersebut, virus, parasit, bahan kimia seperti racun serangga dan racun rumput dan logam berat.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

49,992 kes Hepatitis B dalam tempoh 10 tahun

PUTRAJAYA – Malaysia merekodkan sebanyak 49,992 kes Hepatitis B bagi tempoh 10 tahun bermula 2013 hingga 2023 lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, kadar insiden yang dilaporkan pada tahun 2022 adalah 16.02 per 100,000 penduduk serta kadar kematian 0.33 per 100,000 penduduk.

Beliau berkata, bagi Hepatitis C pula, sebanyak 34,573 kes direkodkan bagi tempoh sama dengan kadar insiden yang dilaporkan pada tahun 2022 adalah sebanyak 14.17 per 100,000 penduduk serta kadar kematian 0.29 per 100,000 penduduk.

Jelasnya, berdasarkan Global Hepatitis Report 2024, terdapat sebanyak 2.2 juta kes jangkitan baru viral hepatitis di dunia dengan jumlah kematian yang



SETIAP anak perlu diberi imunisasi Hepatitis B yang lengkap.

dilaporkan sebanyak 1.3 juta kes direkodkan pada 2022.

"Hepatitis B boleh dicegah melalui imunisasi. Program imunisasi Hepatitis B kepada bayi di bawah Program Imunisasi Kebangsaan sejak 1989.

"Kementerian Kesihatan menasihatkan ibu bapa untuk me-

mastikan bayi mereka diberi imunisasi Hepatitis B yang lengkap mengikut jadual yang ditetapkan dalam Program Imunisasi Kebangsaan," katanya semalam.

Dr. Muhammad Radzi berkata, sekiranya tercalar imunisasi, ibu bapa perlu mendapatkan nasihat di klinik kesihatan yang ber-

hampiran untuk penjadualan semula imunisasi, manakala untuk Hepatitis C pula, rawatan khusus kini boleh diberikan untuk menyembuhkan jangkitan.

Ujarnya, bersempena sambutan Hari Hepatitis Sedunia, ia menekankan keperluan untuk berkolaborasi di dalam penyampaian perkhidmatan imunisasi, saringan, diagnosa serta rawatan.

"Hepatitis adalah penyakit keradangan hati yang lazimnya disebabkan oleh jangkitan virus (viral hepatitis) iaitu Virus Hepatitis A, B, C, D atau E.

"Virus Hepatitis A dan E biasanya berjangkit melalui pengambilan makanan atau air yang tercemar, dan tidak membawa kepada penyakit kronik, manakala virus Hepatitis B, C dan D berjangkit melalui darah atau cecair badan," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEGARA



MANGSA dipercayai diserang sawan selepas menghisap vape 'magic mushroom' secara berlebihan di Kemaman baru-baru ini.

'Magic mushroom' punca pelajar sawan?

Oleh **MOHD. AZLI ADLAN**
dan **NIK NUR IZZATUL HAZWANI**
NIK ADNAN

KEMAMAN – Seorang pelajar tingkatan empat tidak sedarkan diri di wad Hospital Kemaman di sini sejak seminggu lalu selepas disyaki menghisap rokok elektronik atau vape kandungan 'magic mushroom' secara berlebihan.

Remaja berusia 16 tahun itu dijumpai dalam keadaan tidak sedarkan diri di pekarangan sekolahnya di daerah ini pada pukul 10.30 pagi, 22 Julai lalu.

Menurut sumber, seorang rakan mangsa mendapati remaja itu rebah secara tiba-tiba sebelum memaklumkan perkara tersebut kepada guru mereka.

"Mangsa kemudiannya dikejarkan ke sebuah klinik kesihatan di daerah ini untuk mendapatkan rawatan sebelum dirujuk ke Hospital Kemaman. Setakat ini remaja itu masih ditempatkan di wad hospital sehingga hari ini (semalam)," katanya semalam.

Sumber memberitahu, pemeriksaan awal mendapati remaja tersebut diserang sawan disyaki berpunca daripada pengambilan bahan kimia berlebihan daripada vape.

Keluarga mangsa yang bimbang akan keselamatan remaja itu kemudian membuat laporan polis pada Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Hanyan Ramlan mengesahkan menerima laporan tersebut dan siasatan mengenainya sedang dijalankan.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong memberitahu, pemeriksaan klinikal setakat ini tidak menemui sebarang bahan kimia berkaitan vape dalam tubuh mangsa.

"Setakat ini, kita tidak dapat membuktikan sawan dialami mangsa disebabkan vape. Remaja tersebut akan dipindahkan ke Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu untuk rawatan lanjut pada masa terdekat," kata beliau.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NATION

THE STAR, TUESDAY 30 JULY 2024

Nation 15

Food poisoning from tarts may have killed boy

By **DURIE RAINER FONG**
newsdesk@thestar.com.my

KOTA KINABALU: A Year Four pupil who died of suspected food poisoning in the east coast Sandakan district is believed to have consumed cheese tarts, says Dr Asits Sanna.

The Sabah health director said the boy's father had purchased the cheese tarts from a shop before bringing them home, where his 10-year-old son and

wife ate them on July 23.

"The boy subsequently experienced diarrhoea, fever and loss of appetite," he said in a statement on Sunday.

"On July 24, the child had a seizure and was rushed by a family member to hospital for treatment."

Dr Asits said immediate emergency treatment was administered to the unconscious boy, adding that the victim also required respiratory assistance.

"The boy was warded in the paediatric ward before he was confirmed to have died," he said, adding that he expressed his condolences to the family.

He said it was learnt that the child's mother experienced similar symptoms and was treated in the women's medical ward at the Duchess of Kent Hospital.

"However, the full history of the boy's movement and exposure to food as well as the cause of death are still under investiga-

tion," said Dr Asits.

He said samples had been taken to aid the probe.

"We advise those who come down with symptoms of food poisoning to seek treatment immediately," he added.

He said the department, with the help of the Sandakan health office, would continue to monitor the situation and provide updates from time to time.

Early last month, a food poisoning incident in Selangor resulted

in two fatalities and 82 people experiencing symptoms believed to have originated from a meal of fried mee hoon and eggs.

The food in question was served at a school event in Gombak on June 8. The two who died on June 10 were a 17-year-old male and a 19-month-old toddler.

A total of 28 cases had outpatient treatment while there were no hospital admissions, Selangor health director Dr Ummi Kalthom Shamsudin said on June 11.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATIONAL

Cough mixture flavoured ice cream raises concern

BY SIVANISVARRY MORHAN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: A senior pharmacist has expressed alarm and warned the public to be cautious about consuming food items laced with medicines after homegrown ice cream chain Inside Scoop yesterday launched its latest offering that is topped with *Nin Jiom Pei Pa Koa*, also known as *Cap Ibu dan Anak* cough mixture.

Universiti Kebangsaan Malaysia Specialist Children's Hospital chief pharmacist Ong Aik Liang said: "*Nin Jiom Pei Pa Koa* is a traditional herbal cough syrup used to alleviate minor throat irritations, but its use as a food ingredient is dangerous."

In its sales pitch on Instagram, Inside Scoop said: "Made with real

Combining medicines with food items may cause health issues, says senior pharmacist

Pei Pa Koa and creamy vanilla bean swirls, it's the perfect soothing refreshment you won't want to miss. Available now for a limited time only at all Inside Scoop outlets."

A promotional video also on Instagram shows a male actor consuming the cough mixture from a bottle before a woman's voice narrates: "Hey, did you know that Inside Scoop now has *Pei Pa Koa* ice cream?"

The actor is then shown running off to an Inside Scoop outlet.

Another promotional video on

Instagram that features Malaysian pop singer Zayn Malik touts the cough mixture's herbal properties and pleasant taste and claims that the vanilla ice cream and *Pei Pa Koa* work as a combination.

According to Inside Scoop's promotional materials, the limited edition flavour will continue to be sold until Aug 18.

Ong said traditional medicines come with clear dosage instructions, adding that this collaboration raises concerns about its safety.

"Ice cream is already cold

enough to soothe the throat and is consumed by children as well, so adding cough syrup with a menthol sensation seems unnecessary."

He said unlike traditional medicines that usually have detailed instructions and are dispensed in controlled amounts, ice cream does not typically include dosage information, while the large amount of the cough mixture seen being poured into a cup of ice cream in Inside Scoop's promotional video could contribute to an overdose.

"How is the public going to know the appropriate dosage when served such a product? The producers should provide clear labelling and dosage guidelines to ensure safety. What happens if children consume this product?"

"Until clear guidelines are available, consumers should exercise caution when consuming unconventional food products, and especially those in combination with medicines."

A check by *theSun* revealed that in 2021, the Philippines Food and Drug Administration advised the public against purchasing or using unregistered drug products in that country, which included *Nin Jiom Pei Pa Koa*.

The Taiwan Department of Health has also banned five herbal drugs, including *Nin Jiom Pei Pa Koa*, that contains aristolochic acid, a group of acids found naturally in many types of plants that grow worldwide and is commonly used in traditional Chinese medicine.

Ong said it is crucial to note that *Nin Jiom Pei Pa Koa* is a non-prescription item, which means it can be purchased over the counter.

"Hence, there is a grey area in whether Inside Scoop has broken any laws. The company has taken an unprecedented move by including medicine in ice cream. This could cause public health issues if people use cough medicines in other food items as well," he cautioned.

theSun reached out to the Health Ministry for comment but has not received a response by press time, while Inside Scoop could not be reached for comment.



Promotional material by Inside Scoop touts the product as the perfect soothing refreshment.

Govt stresses importance of hepatitis vaccination

PUTRAJAYA: Health Director-General Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan announced yesterday that Malaysia recorded 49,992 cases of Hepatitis B and 34,573 cases of Hepatitis C from 2013 to 2023.

"Hepatitis B can be prevented through immunisation, with the first dose given at birth and subsequent doses administered via the six-in-one combination vaccine at two, three, five and 18 months of age.

"As for Hepatitis C, specific treatment is now available to cure it," he said in a statement in conjunction with World Hepatitis Day, celebrated every July 28. This year's theme is "It's Time for Action".

He emphasised the need for collaboration among the government, private sector and NGOs in the delivery of immunisation services, screening, treatment and advocacy activities.

Hepatitis results in inflammation of the liver, usually caused by a viral infection, specifically the Hepatitis A, B, C, D, or E viruses.

Hepatitis A and E viruses are typically transmitted through the consumption of contaminated food or water and do not lead to chronic diseases. In contrast, Hepatitis B, C, and D viruses are spread through blood or bodily fluids and can cause chronic diseases, such as liver

cirrhosis and liver cancer.

Muhammad Radzi said according to the 2024 Global Hepatitis Report, there were an estimated 2.2 million new cases of viral hepatitis worldwide in 2022, comprising 1.1 million with Hepatitis B, one million with Hepatitis C and 100,000 involving other types of hepatitis infections.

"The reported number of deaths was 1.3 million, with 83% caused by Hepatitis B and the remaining 17% by Hepatitis C."

The ministry advises the public to maintain a healthy lifestyle and personal hygiene to reduce the risk of contracting hepatitis or

transmitting it to others if already infected.

Individuals at high risk are advised to undergo hepatitis screenings and seek advice and treatment at healthcare facilities. Early detection and treatment can prevent complications such as severe liver disease and liver cancer.

"If children misses their Hepatitis B immunisation, parents should seek advice from a health clinic to reschedule the vaccination," he said.

Further information on viral hepatitis and hepatitis vaccines may be obtained on the MyHealth and Infosihat websites. — Bernama

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATIONAL

Need for joint approach to curb **AIDS, hepatitis** epidemics

■ BY JOSHUA PURUSHOTMAN
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: The Malaysian AIDS Council (MAC) and the Malaysian AIDS Foundation (MAF) have called for a unified and holistic approach to tackling the intertwined epidemics of hepatitis and HIV/AIDS.

In a statement yesterday, MAC president Assoc Prof Dr Raja Iskandar Shah Raja Azwa said it is imperative to highlight the intersection of these two public health crises and advocate comprehensive strategies to address them collectively.

Speaking on the occasion of World Hepatitis Day 2024, which fell on Sunday, he said its theme "It's Time for Action" reflects the need for such a commitment.

"The connection between hepatitis, particularly hepatitis C (HCV), and HIV/AIDS is well documented. People living with HIV (PLHIV) are disproportionately affected by hepatitis due to shared

➤ Combining treatment protocols for co-infected individuals optimises treatment regimens, minimises drug interactions, enhances patient adherence: Expert

transmission routes, such as intravenous drug use and unprotected sex."

Raja Iskandar Shah said according to the World Health Organisation, some 2.3 million people worldwide are co-infected with HIV and HCV.

In Malaysia, the burden of co-infection is significant, worsening the challenges faced by healthcare providers and patients.

He said addressing HIV/AIDS and hepatitis as separate issues undermines the effectiveness of public health interventions, and that a cohesive response is essential for integrated screening and diagnosis, which can lead to early treatment and reducing transmission rates.

"MAC and MAF wish to emphasise that combining treatment protocols for co-infected individuals optimises treatment regimens, minimises drug interactions, and enhances patient adherence."

Raja Iskandar Shah said unified public health campaigns that address the shared risk factors and prevention strategies for HIV and hepatitis significantly curb the spread of the two diseases.

Moreover, he said patients living with co-infections often face compounded social and psychological challenges, requiring holistic support systems that include mental health services and social support.

"We are dedicated to championing a holistic approach to public health that recognises the interconnection between HIV/AIDS and hepatitis," he said, adding that project implementation partners are committed to acting against viral hepatitis through various HIV programmes conducted in the country.

"Our advocacy efforts raise awareness about the dual epidemics and promote policy changes that support integrated healthcare approaches. We also support research initiatives to gather data on the prevalence and impact of HIV and hepatitis co-infection in Malaysia."

Raja Iskandar Shah said at the regional level, MAC is the leading organisation for the Southeast Asia-South Asia (Sasea) platform of Coalition Plus – a global HIV/AIDS and viral hepatitis working group.

"Sasea is collaborating with counterparts in India, Thailand, and Indonesia to eliminate these epidemics by 2030," he said.

'Food poisoning victim ate two-day-old takeaway'

KOTA KINABALU: A 10-year-old child who died, believed to be from food poisoning on Thursday in Sandakan, had eaten food bought by his father two days earlier.

Sabah State Health Department director Datuk Dr Asits Sanna said the child had experienced symptoms of diarrhoea, fever, and loss of appetite.

On Wednesday, he suffered a seizure and was taken to a hospital for treatment.

He said emergency treatment was administered as the child was found to be unconscious and required respiratory assistance.

"The child was admitted to the paediatric medical ward before being pronounced dead. Initial information obtained indicates that the child's mother also consumed the same food and experienced similar symptoms."

"She received treatment in the women's medical ward at the Duchess of Kent Hospital in Sandakan," he said in a statement.

However, Asits said the complete history of movement and exposure to food and the cause of death were still under investigation, and urged the public not to speculate on the incident.

"Food and environmental samples have been taken to determine the cause of the incident. Food poisoning is an illness caused by consuming contaminated food or drinks."

He said food poisoning could also be caused by bacteria or bacterial toxins, viruses, parasites, chemicals such as insecticides and herbicides, heavy metals, and toxic plants such as mushrooms, and seafood like shellfish.

Asits advised the public to take precautionary measures, such as consuming food cooked or prepared within four hours, storing food at appropriate temperatures and maintaining hygiene. – Bernama